

Headline	Akademi Dron pertama negara diperkenal		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Dlm Negeri	Page No	5
ArticleSize	268 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 15,891		



Akademi Dron pertama negara diperkenal

KUALA LUMPUR 21 Sept. - Seajar dengan Revolusi Industri 4.0, Tenaga Nasional Berhad (TNB) terus komited untuk memenuhi keperluan industri khususnya dalam penggunaan teknologi dron yang semakin canggih dan berkembang pesat di seluruh dunia.

Menerusi anak syarikat pegangan 100 peratus TNB iaitu TNB Integrated Learning Solution Sdn. Bhd. (ILSAS), pusat latihan Akademi Dron telah diwujudkan dan menjadi yang pertama di Malaysia bertujuan melahirkan pengamal dron profesional bertauliah.

Ketua Inovasi Digital Strategik TNB ILSAS, Prof. Madya Dr. Mohd. Zaliman Mohd. Yusoff berkata, Akademi Dron yang telah dilancarkan pada 2 Julai 2018 itu turut meletakkan objektif yang mengambil kira keselamatan negara.

"ILSAS kini dalam proses untuk mendapatkan pengiktirafan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) atau Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia



MOHD. ZALIMAN MOHD. YUSOFF menunjukkan dron yang digunakan di Akademi Dron pada Persidangan Industri Bekalan Kuasa Elektrik (CEPSI) 2018 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.

(CAAM) dan ini adalah usaha ILSAS bukan sahaja untuk membantu TNB tetapi juga membantu negara dalam persiapan menyediakan tenaga kerja yang sesuai dengan keperluan Industri 4.0.

"Perkembangan pesat industri dron secara global ini adalah untuk memenuhi keperluan pelbagai bidang seperti agrikultur,

pengurusan tanah, tenaga, pembinaan dan sebagainya dan ini boleh dikatakan sebagai usaha yang bukan bersifat terpencil semata-mata", katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui dalam Persidangan Industri Bekalan Tenaga Elektrik (CEPSI) 2018 di sini hari ini.

Tambah Mohd. Zaliman, dalam

konteks TNB pula, teknologi dron telah digunakan secara meluas dalam pelbagai aplikasi misalnya untuk menjalankan Pemeriksaan Kualiti Transmisi dan Pemeriksaan Kawalan Mutu.

"Oleh itu, menerusi akademi ini, peserta akan dilatih untuk menggunakan dron dalam persekitaran yang selamat dan dalam masa sama, mereka juga akan diberikan pendedahan mengenai akta-akta yang berkaitan.

"Dari segi tenaga pengajar pula, mereka yang terlibat adalah individu-individu terlatih dan profesional serta merupakan pengendali helikopter serta memiliki sijil kelayakan yang diiktiraf dari dalam dan luar negara.

"Menerusi kursus yang ditawarkan oleh Akademi Dron ini, peserta akan diperkenalkan dengan pelbagai ilmu serta kemahiran seperti kawalan asas penerbangan, pemeriksaan pra penerbangan, cuaca penerbangan, berat serta keseimbangan pesawat dan lain-lain," katanya.